


PORTAL RASMI SPA

Portal Rasmi SPA merupakan gerbang utama penyampaian maklumat kepada pelbagai kategori pengguna iaitu Pemohon Pekerjaan, Penjawat Awam, Kementerian/Jabatan, Orang Awam dan Warga SPA.




Pada tahun 2007, Portal Rasmi SPA telah dibangunkan menggunakan aplikasi Oracle Portal Builder. Rekabentuk baru Portal Rasmi SPA bagi tahun 2015 telah dibangunkan menggunakan aplikasi Liferay Portal Enterprise.

Pembangunan Portal Rasmi SPA adalah merujuk kepada Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2006 "Pengurusan Laman Web/Portal Sektor Awam" yang mengandungi Garis Panduan Portal *myGovernment* dan Laman Web/Portal Agensi-agensi Sektor Awam.



Portal Rasmi SPA perlu memenuhi kriteria-kriteria penilaian *Malaysia Government Portal and Websites Assessment (MGPWA)* yang telah ditetapkan oleh *Multimedia Development Corporation (MDeC)*.



Portal Rasmi SPA telah berjaya mendapat penarafan sebagai portal lima (5) bintang melalui MGPWA dari tahun 2010 sehingga 2014

